

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA  
KOD KURSUS : UWA 10302/UWA 10802/UMA 1142  
PROGRAM : 1 BBB/BBC/BBE/BBF/BBG/BDD/BEJ/BFF/BIM/BIP/BIS/BIT/BIW/BNB/BNC/BND/BNH/BNK/BNL/BNN/BPA/BPB/BPC/BPD/BWA/BWC/BWD/BWQ  
2 BBB/BBC/BBE/BBF/BFF/BDD/BEJ/BFF/BIM/BIS/BPA/BPB/BPC  
3 BBC/BEJ/BEV/BFF/BNL/BPB  
4 BEJ  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015  
MASA : 2 JAM  
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN  
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH EMPAT (24)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** Apakah perkataan asal bagi terminologi tamadun?
- A Madani
  - B Mudun
  - C Maddana
  - D Al-Madinah
- S2** Siapakah antara tokoh-tokoh di bawah ini yang telah memperkenalkan perkataan madaniyah bagi menggambarkan maksud tamadun yang merujuk kepada kehidupan bandar?
- A Ibn Khaldun dan Jurji Zaydan
  - B Muhamad Abduh dan Jurji Zaydan
  - C Ibn Khaldun dan Ahmad Farid Wajdi
  - D Ahmad Farid Wajdi dan Muhammad Abduh
- S3** Apakah nama buku yang telah ditulis oleh Ibn Khaldun yang membahaskan tentang ilmu ketamadunan?
- A Kitab Muqaddimah
  - B Al-Madinah Wa al-Islam
  - C Tarikh al-Tamadun al-Islami
  - D Al-Islam Wa al-Nasarianiah Ma'a al-'ilm Wa al-Madaniyyah

Soalan 4 berdasarkan kepada Pernyataan 1 di bawah.


**Pernyataan 1**

Tamadun sebagai unit budaya yang besar yang mengandungi norma-norma sosial, tradisi dan institusi yang dikongsi bersama dan diwarisi dari generasi ke generasi

S4 Siapakah antara tokoh-tokoh berikut yang telah memberikan maksud tamadun dalam pengertian seperti di atas?

- A Collingwood
- B Gardon Childe
- C Samuel Johnson
- D Edward L. Farmer

Soalan 5 adalah berdasarkan kepada Rajah 1 di bawah.



S5 Apakah elemen Y berdasarkan kepada Rajah 1 di atas?

- A Sistem keagamaan
- B Pandangan semesta
- C Paradigma pemikiran
- D Sistem kemasyarakatan

- S6 Apakah aspek utama yang ditekankan dalam pengertian perkataan tamadun?
- A Kemajuan sains dan kecanggihan teknologi
  - B Kehalusan kesenian dan ketinggian kebudayaan
  - C Kehalusan budi pekerti dan kesopanan tata susila
  - D Kemajuan dalam perlakuan, pemikiran dan pembangunan perbandaran

Soalan 7 adalah berdasarkan kepada Pernyataan 2 di bawah.

**Pernyataan 2**

Syed Muhammad Naquib al-Attas	Arnold Toynbe
Tamadun Islam adalah Islam itu sendiri	<i>In the course of its evolution, a civilization produced among other things, a universal state and higher form of religion</i>

- S7 Apakah persamaan pendapat yang cuba disampaikan oleh kedua-dua tokoh di atas?
- A Idea tentang pembinaan sebuah tamadun yang besar
  - B Peranan agama dalam pembentukan kecemerlangan tamadun
  - C Persoalan gaya hidup ke atas sesebuah negara yang bertamadun
  - D Kesangsian terhadap peranan agama dalam pembinaan tamadun yang hebat
- S8 Manakah antara ciri-ciri berikut menjelaskan perbezaan antara tamadun dan budaya?
- I Pengaruh dan natijah
  - II Batas kenegaraan dan wilayah
  - III Kehalusan budi dan ketinggian moral
  - IV Ketinggian nilai budaya dan kemajuan pencapaian sains dan teknologi
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan IV sahaja
  - D III dan IV sahaja



- S9** Apakah kesan fenomena kesengsaraan hidup yang dialami oleh sesebuah masyarakat?
- A Kejatuhan tamadun
  - B Kemunculan tamadun
  - C Kemosotan tamadun
  - D Kegemilangan tamadun
- S10** Pilih ciri-ciri utama pembentukan tamadun.
- I Sistem perundangan
  - II Penempatan manusia
  - III Penciptaan sains dan teknologi
  - IV Agama dan sistem kepercayaan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S11** Apakah faktor kemosotan sesebuah tamadun yang berada di luar kawalan manusia?
- A Penindasan dan kezaliman
  - B Kebekuan aktiviti pemikiran
  - C Berlakunya malapetaka dan bencana
  - D Pencapaian sains dan teknologi yang rendah

Soalan 12 berdasarkan kepada Pernyataan 3 di bawah.

**Pernyataan 3**

Sesungguhnya tertegak sesebuah umat itu adalah disebabkan ketinggian akhlakunya. Sekiranya akhlak mereka hilang maka umat tersebut akan lenyap

- S12** Apakah idea-idea utama yang ingin disampaikan oleh Ahmad Shawqi menerusi petikan di atas?
- I Ketidakstabilan politik disebabkan ketiadaan pemimpin yang berakhlak dan berwibawa
  - II Akhlak dan moral merupakan elemen penting dalam pembinaan dan perkembangan tamadun
  - III Akhlak dan moral menjadi candu yang akan membantutkan perkembangan sesebuah tamadun
  - IV Keruntuhan moral dan nilai menandakan musnahnya penghayatan terhadap budi pekerti yang murni dan mulia
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV
- S13** Manakah antara berikut merupakan kesan amalan sikap tertutup dalam sesebuah tamadun?
- I Sukar menerima perubahan
  - II Kejumudan yang berpanjangan
  - III Merencatkan daya kreativiti dan inovasi
  - IV Meningkatkan pencapaian dalam pelbagai bidang
- A I, II dan III sahaja  
B I, III dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV

- S14** Pilih susunan tahap-tahap kehidupan bertamadun yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun menerusi Teori Kitaran yang beliau perkenalkan.
- A Tahap awal, tahap pertengahan dan tahap akhir
  - B Tahap awal, tahap kehidupan bertamadun dan tahap lemah
  - C Tahap pembinaan, tahap kegemilangan dan tahap kemerosotan
  - D Tahap pra tamadun, tahap bertamadun dan tahap pasca tamadun
- S15** Mengapakah semangat *assabiyyah* yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah gagal membentuk kehidupan madani?
- A Diasaskan kepada perkauman
  - B Diasaskan kepada permusuhan
  - C Diasaskan kepada persahabatan
  - D Diasaskan kepada persaudaraan
- S16** Apakah pembahagian ilmu menurut Ibn Khaldun dalam Kitab Muqaddimah ?
- A Ilmu Kasyaf dan Ilmu Laduni
  - B Ilmu Deduksi dan Ilmu Induksi
  - C Ilmu Naqliyyah dan Ilmu Aqliyyah
  - D Ilmu Fardhu Ain dan Ilmu Fardhu Kifayah
- S17** Apakah maksud interaksi dalam lingkungan budaya yang sama?
- A Melibatkan hubungan pelbagai budaya dalam satu kaum
  - B Merujuk kepada hubungan satu budaya dalam satu kaum
  - C Interaksi antara peradaban yang dominan dengan yang tidak dominan
  - D Saling berinteraksi antara satu kaum yang berlainan budaya dan kepercayaan

## SULIT

UWA10302/UWA10802/UMA1162

- S18** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri semangat *assabiyyah* yang diperkenalkan oleh ajaran Islam?
- I Diasaskan kepada persamaan agama
  - II Agama memecahkan benteng permusuhan perkauman
  - III Sentiasa meletakkan kepentingan orang lain melebihi kepentingan diri sendiri
  - IV Agama menjadi pengikat perasaan kasih sayang merentasi wilayah dan keturunan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, II dan IV
- S19** Pilih pernyataan yang benar tentang interaksi antara tamadun.
- I Interaksi memberi kesan positif dan negatif
  - II Membawa perubahan nilai, idea, institusi dan insan
  - III Menggelakkan sesebuah tamadun menjadi jumud dan beku
  - IV Berlaku percambahan pemikiran dan budaya serta memperkayakan tamadun
- A I, II, dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S20** Manakah antara berikut merupakan perbezaan pandangan antara tamadun berkenaan persoalan alam sekitar?
- A Alam sekitar sebagai anugerah Tuhan
  - B Alam sekitar dilihat sebagai *Divine Power*
  - C Kesedaran untuk tidak memusnahkan alam sekitar
  - D Manusia bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar

- S21** Apakah perbezaan antara Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun yang lain?
- A Tamadun Islam berpusat di kota
  - B Asas Tamadun Islam ialah diri manusia itu sendiri
  - C Tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai sebagai matlamat
  - D Tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi keimanan kepada Allah S.W.T.
- S22** Mengapakan agama Islam dinyatakan sebagai teras kepada sebuah peradaban yang agung?
- A Mementingkan perdamaian
  - B Menekankan kehidupan spiritual
  - C Mementingkan keperluan kerohanian
  - D Tidak memisahkan antara urusan keduniaan dan keagamaan
- S23** Apakah matlamat Tamadun Islam?
- I Hubungan manusia dengan alam
  - II Hubungan manusia sesama manusia
  - III Hubungan manusia dengan Allah S.W.T.
  - IV Hubungan manusia dengan kebudayaan dan kesenian
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S24** Manakah antara berikut benar mengenai bentuk-bentuk kebebasan yang dibawa oleh Islam?
- I Kebebasan rohani dan hawa nafsu
  - II Kebebasan beragama dan kepercayaan
  - III Kebebasan mencari sumber pendapatan yang halal
  - IV Kebebasan berpolitik, bersuara dan memberikan pandangan
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV



- S25** Apakah asas-asas utama Tamadun Islam?
- A Akidah, syariah dan ibadah
  - B Akidah, syariah dan akhlak
  - C Akidah, akhlak dan siyasah
  - D Akidah, akhlak dan hadharah
- S26** Pilih pernyataan yang benar mengenai sains dan teknologi dalam Islam.
- I Ilmu sains dan teknologi datang dari Allah S.W.T.
  - II Ilmu sains dan teknologi barat bercanggah dengan syariat
  - III Ilmu sains dan teknologi sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.
  - IV Matlamat ilmu sains dan teknologi dalam Islam ialah kesenangan dan kesejahteraan hidup di dunia
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S27** Manakah antara berikut merupakan susunan dasar-dasar Tamadun Islam mengikut keutamaan?
- A Memelihara akal, nyawa, agama, keturunan dan harta
  - B Memelihara agama, akal, nyawa, harta dan keturunan
  - C Memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta
  - D Memelihara akal, agama, nyawa, keturunan dan harta
- S28** Manakah antara berikut yang bukan merupakan sifat-sifat Tamadun Islam?
- A Sempurna dan menyeluruh
  - B Kesatuan dalam kepelbagaian
  - C Keseimbangan antara rohani dan jasmani
  - D Adakalanya tidak bersesuaian dengan fitrah dan akal fikiran manusia

- S29** Pilih pernyataan yang paling tepat mengenai pandangan Islam tentang Tuhan yang menjadi intipati dalam perbahasan ilmu Tamadun Islam.
- A Tauhid Uluhiyyah hanya diimani oleh sebahagian orang Islam sahaja
  - B Tuhan adalah pencipta alam dan bersifat dengan nama-namaNya yang indah
  - C Tuhan merupakan matlamat sebahagian urusan pembinaan tamadun manusia
  - D Tauhid Rububiyah hanya diyakini oleh orang-orang yang berkepentingan sahaja
- S30** Apakah pernyataan yang tidak berkaitan dengan hak asasi dalam Islam?
- A Ditentukan oleh Allah S.W.T.
  - B Sebahagian daripada ajaran Islam
  - C Perlu disesuaikan dengan suasana setempat dan masyarakat
  - D Bersifat tetap, tidak boleh sama sekali diubah atau dihapuskan oleh mana-mana pihak
- S31** Manakah antara berikut benar mengenai sekularisme dalam Tamadun Islam?
- I Pengasingan ajaran Islam dari kehidupan seharian
  - II Proses pengasingan urusan dunia dari ajaran agama
  - III Amalan cara hidup yang mementingkan urusan keduniaan
  - IV Meletakkan ajaran agama sebagai sumber rujukan paling berautoriti
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S32** Pilih pernyataan yang merujuk kepada istilah Alam Melayu.
- A Semenanjung Tanah Melayu
  - B Alam Melayu dan Tanah Jawa
  - C Gugusan kepulauan Melayu-Indonesia
  - D Gugusan kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*)

- S33** Apakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan ?
- I Beragama Islam
  - II Berbahasa Melayu
  - III Tinggal di pesisir pantai
  - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S34** Apakah dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu?
- A Bahasa Melayu dan agama Islam
  - B Kepelbagaian bahasa dan etnik
  - C Bahasa dan interaksi antara tamadun
  - D Kepelbagaian etnik dan agama Islam
- S35** Apakah pernyataan yang tidak benar tentang kepercayaan masyarakat Melayu sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Tanah Melayu?
- A Primitif dan animisme
  - B Percaya kepada *Hyang*
  - C Percaya kepada Allah S.W.T.
  - D Percaya kepada ajaran nenek moyang
- S36** Apakah perubahan bentuk kepercayaan dan corak kehidupan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?
- A Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada roh nenek moyang
  - B Kepercayaan kepada dewa dan animisme bertukar kepada keimanan kepada Allah S.W.T.
  - C Kepercayaan kepada Allah S.WT dan Rasul bertukar kepada mempercayai dewa dan animisme
  - D Kepercayaan kepada keesaan Allah S.W.T bertukar kepada kepercayaan kepada Tuhan yang berbilang-bilang

**SULIT**

UWA10302/UWA10802/UMA1162

- S37 Manakah antara berikut merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan Islam di Alam Melayu?
- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan serta kebijaksanaan pendakwah
  - B Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama dan keunggulan serta kebijaksanaan pendakwah
  - C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, aktiviti perikanan dan keunggulan serta kebijaksanaan pendakwah
  - D Perdagangan, perkahwinan, peperangan, perlumbaan penyebaran agama serta keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- S38 Apakah laluan kedatangan Islam ke Alam Melayu ?
- A Tanah Arab, India, Pakistan dan China
  - B Tanah Arab, India, China dan Champa
  - C Tanah Arab, Pakistan, India dan Champa
  - D Tanah Arab, India, China dan Bangladesh
- S39 Mengapakah raja-raja dalam Tamadun India telah menjalin hubungan yang sangat erat dengan golongan Brahmin?
- I Menjamin keteguhan kuasa
  - II Kelancaran dalam sistem pentadbiran
  - III Menghasilkan sistem pentadbiran yang dihormati
  - IV Menjamin kedudukan istimewa golongan raja-raja.
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

- S40** Manakah antara berikut merupakan gabungan interaksi yang mempengaruhi perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam Tamadun India?
- A Tamadun Cina, Tamadun Parsi dan Tamadun Yunani
  - B Tamadun Islam, Tamadun Melayu dan Tamadun Yunani
  - C Tradisi nenek moyang, Tamadun Barat dan Tamadun Islam
  - D Tradisi nenek moyang, Tamadun Yunani dan Tamadun Islam
- S41** Apakah dua kelompok utama masyarakat Masyarakat Tamadun India?
- A Dravidia dan Tamil
  - B Indoaryan dan Telegu
  - C Indoaryan dan Sanskrit
  - D Dravidia dan Indoaryan
- S42** Pilih susunan masyarakat India mengikut peringkat yang betul.
- A Brahmacarya, Grhatsya, Vanaprahastya dan Sannayasa
  - B Brahmacarya, Vanaprahastya, Sannayasa dan Grhastya
  - C Grhastya, Vanaprahastya, Brahmacarya dan Sannayasa
  - D Sannayasa, Brahmacarya, Vanaprahastya dan Grhastya
- S43** Apakah maksud Sistem Kasta?
- A Pembahagian kelas sosial berdasarkan agama
  - B Pembahagian kelas sosial berdasarkan warna kulit
  - C Pembahagian kelas sosial berdasarkan sistem perkahwinan
  - D Pembahagian kelas sosial yang mempunyai hierarki yang tetap



- S44** Mengapakah kedatangan Islam ke India telah mendapat sambutan baik daripada penduduk tempatan?
- I Tidak merosakkan kuil-kuil hindu sedia ada
  - II Memberi jaminan keselamatan nyawa dan harta
  - III Golongan Brahmin diberikan kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran
  - IV Mengenakan jizyah yang lebih rendah berbanding cukai yang dikenakan oleh pemerintah sebelumnya
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S45** Siapakah pembina Institusi Pendidikan Islam terkemuka sewaktu zaman pemerintahan Islam di India?
- A Aurangzeb
  - B Shah Jahan
  - C Amir Khusrau
  - D Alauddin Khilji
- S46** Manakah antara berikut yang bukan merupakan pelopor bidang matematik yang penting dalam Tamadun India?
- A Sridhara
  - B Varamahira
  - C Bhramagupta
  - D Shusruta Samitha

- S47** Manakah antara pernyataan berikut tidak benar tentang perkembangan bidang astronomi dalam Tamadun India?
- A Tamadun India dianggap pelopor bidang astronomi awal dunia
  - B Perkembangan ilmu ini sangat berkaitan dengan amalan keagamaan
  - C Astronomi India lebih sesuai untuk tujuan teoritikal dan lebih tepat dari astronomi Parsi
  - D Istilah '*Jyosita*' yang digunakan dalam kitab Rig Veda menerangkan tentang bidang astronomi dalam Tamadun India.
- S48** Mengapakah bidang kesusasteraan seni khat sangat dimuliakan dan dihormati dalam zaman pemerintahan Islam di India?
- A Kemahiran tersebut dianggap bertuah dan dirahmati Allah S.W.T.
  - B Kemahiran tersebut mampu memberikan pendapatan yang lumayan
  - C Kemahiran tersebut mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
  - D Kemahiran tersebut melayakkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana
- S49** Apakah tinggalan senibina pemerintahan Islam yang diiktiraf oleh dunia dalam sejarah Tamadun India?
- A Taj Mahal
  - B Kota Agra
  - C Menara Qutb-Minar
  - D Bangunan Masjid di Agra
- S50** Apakah bentuk kepercayaan dan agama terbesar yang mendominasi masyarakat Tamadun India ?
- A Hindu, Buddha, Islam, Sikh
  - B Hindu, Islam, Sikh dan Bahai
  - C Hindu, Jaina, Bahai, Zoroaster
  - D Hindu, Buddha, Zoroaster dan Bahai

- 51** Apakah sistem dalam masyarakat Cina yang bertujuan untuk mengawal keluarga dan Negara?
- A Fong dan Sue
  - B Chun dan Qin
  - C Cheng dan Hoe
  - D Zhong dan Xiou
- S52** Manakah antara berikut yang tidak benar tentang amalan nilai dan sifat yang mulia dalam ajaran Konfusius?
- A *Li*
  - B *Fa*
  - C *Ren*
  - D Xiou
- S53** Apakah yang terkandung dalam konsep *Tian* dalam pandangan semesta Tamadun Cina?
- I Kuasa penentu nasib sesebuah dinasti
  - II Kuasa Agung dan mengatasi segala sesuatu
  - III Kuasa penentu kebahagiaan dan kesengsaraan insan
  - IV Sumber kewujudan kepada seluruh makhluk di dunia
- A I, II dan III sahaja
  - B I, II dan IV sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

- S54 Apakah sumbangan terbesar Tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia?
- I Kompas
  - II Percetakan
  - III Bahan letupan
  - IV Pembuatan kertas
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV
- S55 Apakah dua kebudayaan utama yang menjadi tanda kepada tamadun awal di Cina?
- A Yangshao dan Gangsa
  - B Yangshao dan Longshan
  - C Longshan dan Wu Chang
  - D Zhong Guo dan Zhong Hua
- S56 Pilih pernyataan yang tidak menerangkan konsep *Dao*.
- A Bermaksud jalan (*the way*)
  - B Prinsip agung yang mutlak serta asal usul semua makhluk
  - C Sifat mulia yang tidak melampaui batas sama ada yang terlebih atau terkurang
  - D Bersifat azali (*primordial*) dengan semua makhluk berasal dan akan kembali pada akhir hayat mereka
- S57 Apakah bangsa yang paling penting dalam sejarah Tamadun Cina?
- A Han
  - B Khan
  - C Tartar
  - D Monggol

- S58** Apakah teori yang menjelaskan tentang keseimbangan dalam tradisi Cina?
- A Shi dan Shu
  - B Yin dan Yang
  - C Feigong dan Feiming
  - D Zhongyong dan Junzi
- S59** Apakah dinasti yang merupakan zaman kegemilangan Islam di China?
- A Dinasti Qin
  - B Dinasti Han
  - C Dinasti Ming
  - D Dinasti Yuan
- S60** Di manakah pusat pertumbuhan Tamadun Cina di sebelah utara?
- A Huang He
  - B Chang Jiang
  - C Wilayah Shanxi
  - D Wilayah Shandong
- S61** Manakah faktor yang menyebabkan Amerika Syarikat menganggap dirinya sebagai sebuah kuasa politik global?
- A Kekuatan ketenteraan
  - B Pengiktirafan dari negara-negara lain akan kekuatan pengaruhnya
  - C Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu melantiknya sebagai polis dunia
  - D Tiada negara lain yang sanggup untuk menyaingi kekuatan pengaruh dan kehebatan tenteranya
- S62** Apakah negara yang mempunyai kuasa veto yang paling mendominasi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Rusia
  - B China
  - C Perancis
  - D Amerika Syarikat



- S63** Apakah yang dimaksudkan dengan globalisasi?
- I Dunia tanpa sempadan
  - II Perkampungan kecil manusia
  - III Proses yang melahirkan dunia tanpa sempadan
  - IV Penerapan ideologi barat terhadap dunia bukan barat
- A I, II dan III sahaja  
B I, III dan IV sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV
- S64** Manakah antara institusi-institusi global berikut yang tidak terlibat dalam mencorakkan bentuk ekonomi global dunia?
- A Pertubuhan Negara-Negara G8  
B World Trade Organization (WTO)  
C World Health Organization (WHO)  
D International Monetary Fund (IMF)
- S65** Apakah kesan daripada pertembungan Tamadun Barat dengan Tamadun Islam?
- A Telah menghakis nilai dan ciri-ciri jati diri bagi seseorang Islam  
B Dunia pada hari ini kelihatan seolah-oleh sebuah dunia Barat yang besar  
C Jati diri tamadun Islam tetap teguh dan utuh tanpa sebarang pengaruh luar  
D Globalisasi kebudayaan dan kebendaan yang dicipta oleh dunia Barat sama sekali tidak memberi kesan kepada Tamadun Islam
- S66** Manakah antara berikut yang bukan merupakan kesan positif hasil daripada interaksi Tamadun Barat dan Tamadun Islam?
- A Meningkatkan perkembangan sains dan teknologi dan memberi manfaat kepada dunia Islam  
B Membantu mengurangkan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup dan membawa keselesaan material kepada masyarakat sejagat  
C Cara hidup Barat telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat dunia  
D Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi pasaran yang telah menambahkan kemewahan golongan menengah di kebanyakan negara dunia

- S67** Manakah antara cabaran berikut yang paling dominan terhadap pertembungan antara tamadun dan peradaban?
- A Poses globalisasi
  - B Perbezaan matawang
  - C Kepelbagaian tamadun
  - D Persaingan senjata nuklear
- S68** Pilih pernyataan yang bukan merupakan asas kepada Teori Pertembungan Tamadun sepertimana yang dikemukakan oleh Samuel P.Huntington.
- A Dunia akan menjadi homogeni dengan dicirikan oleh pemikiran liberalism dan demokrasi Barat setelah keruntuhan komunisme.
  - B Selepas era perang dingin, perbezaan yang paling ketara antara masyarakat sejagat bukan lagi berkaitan ideologi, politik dan ekonomi tetapi budaya.
  - C Teras utama kepada isu-isu yang berkaitan dengan agenda antarabangsa sebenarnya berkaitan dengan perbezaan yang wujud antara pelbagai tamadun
  - D Tamadun merupakan entiti budaya yang terbesar justeru konflik yang bakal timbul adalah disebabkan perbezaan anatra budaya yang membawa kepada pertembungan antara tamadun
- S69** Apakah pandangan Barat terhadap Islam selepas peristiwa 11 September 2001?
- A Islam semakin gah di Barat
  - B Islam dilabel sebagai pengganas
  - C Kedudukan umat Islam semakin selesa
  - D Islam semakin dihormati dan disanjung oleh dunia

- S70** Manakah antara berikut merupakan isu-isu utama yang dibincangkan dalam dialog antara tamadun?
- I Keganasan dan keadilan
  - II Kejahilan tentang tamadun lain
  - III Perebutan kuasa politik dan ekonomi
  - IV Pencapaian cemerlang dalam bidang sains dan teknologi
- A I dan II sahaja
  - B I dan III sahaja
  - C II dan III sahaja
  - D III dan IV sahaja
- S71** Manakah antara berikut bukan merupakan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian dalam mengadakan dialog antara tamadun di Malaysia?
- A Rukun Negara sebagai asas Tamadun Malaysia
  - B Jumlah penguasaan ekonomi setiap bangsa di Malaysia
  - C Persefahaman antara kaum yang berasaskan nilai budaya dan tamadun sepunya
  - D Nilai kepercayaan dan amalan setiap budaya dan tamadun-tamadun lain yang ada di Malaysia
- S72** Apakah perkara-perkara yang perlu dititik beratkan dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat?
- I Nilai-nilai sepunya
  - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
  - III Saling kebergantungan dalam pembangunan tamadun
  - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara Tamadun Barat dan Tamadun Islam
- A I, II, dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

- S73** Apakah cabaran globalisasi yang dihadapi oleh dunia berbilang tamadun pada masa kini?
- I Dominasi media oleh Barat
  - II Dominasi politik oleh Barat
  - III Dominasi ekonomi oleh Barat
  - IV Dominasi budaya kebendaan Barat
- A I, II, dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV
- S74** Manakah antara berikut bukan merupakan salah satu usaha yang dilakukan untuk mewujudkan kesatuan, perpaduan dan pengukuhan Tamadun Malaysia ?
- A Konsep 1 Malaysia
  - B Deklarasi dialog peradaban
  - C Memperbanyakkan program-program berbentuk hiburan
  - D Menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat dialog peradaban antarabangsa
- S75** Apakah kesan yang paling ketara akan berlaku jika usaha untuk mengadakan dialog antara peradaban tidak diberikan perhatian?
- A Setiap tamadun akan lebih maju
  - B Saling tidak mengenal antara satu sama lain
  - C Terdedah kepada suasana konflik yang berterusan
  - D Tiada sebarang kesan yang mempengaruhi corak kehidupan masyarakat
- S76** Apakah kesan besar peristiwa 11 September 2001 kepada umat Islam?
- A Islam semakin diterima oleh Barat
  - B Presiden Amerika selalu menziarahi negara-negara Islam
  - C Golongan minoriti Islam di Barat sering diberikan perhatian
  - D Dialog antara golongan Islam minoriti dan golongan Islam majoriti semakin meningkat

- S77** Apakah yang dimaksudkan dengan 'Unipolar'?
- A Negara tanpa kuasa
  - B Negara pengeluar senjata
  - C Negara tanpa imbangan kuasa
  - D Gabungan kuasa negara-negara besar dunia
- S78** Apakah kesan daripada pengaruh penjajahan dan dominasi Barat terhadap dunia Islam?
- A Rasa rendah diri yang berpanjangan
  - B Rasa bangga diri yang berpanjangan
  - C Rasa keyakinan diri yang berpanjangan
  - D Rasa kecekalan hati dan semangat jati diri yang berpanjangan
- S79** Siapakah tokoh yang telah mengemukakan teori 'The Clash of Civilization'?
- A James Clarke
  - B Robert Hooke
  - C William J.Kenneday
  - D Samuel P.Huntington
- S80** Siapakah tokoh yang telah mengemukakan teori 'The End of History'?
- A David Brooklyn
  - B William Edward
  - C Sir John Edmond
  - D Francis Fukuyama

**'SOALAN TAMAT'**